

# **POLITEKNIK SEBERANG PERAI**

**LAPORAN PROGRAM LATIHAN SANGKUTAN KE  
INDUSTRI PENSYARAH-PENSYARAH POLITEKNIK**

**DI**

**AMANAH SAHAM KEDAH BERHAD (ASKB)**

**LOT 178 & 179, JALAN SULTANAH SAMBUNGAN, 05250  
ALOR STAR, KEDAH DARUL AMAN.**

**DISEDIAKAN OLEH :**

**NAMA : FAIZAH BINTI SAHBUDIN**

**NO. K/P : 780111-12-5798**

**JABATAN : JABATAN PERDAGANGAN**

**TEMPOH : 4 JUN HINGGA 2 SEPTEMBER 2011**

**BUKU LAPORAN SANGKUTAN KE INDUSTRI PENSYARAH POLITEKNIK**

**OLEH**

**FAIZAH BINTI SAHBUDIN**

Buku laporan ini dikemukakan kepada Bahagian Latihan dan Kerjaya, Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia sebagai memenuhi sebahagian dari syarat penganugerahan Sijil Penyertaan Program Ke Industri Pensyarah-Pensyarah Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

## **PENGHARGAAN**

Ucapan setinggi-tinggi kesyukuran ke Hadrat Ilahi kerana dengan limpahan taufik dan hidayahNya, saya dapat mengakhiri program sangkutan industri Pensyarah-Pensyarah Politeknik dengan sukses dan menyiapkan laporan ini dengan jayanya.

Tidak dilupakan penghargaan ribuan terima kasih khas buat suami tercinta iaitu En. Muhammad Nazri bin Abdul Halim di atas sokongan dan galakan penuh untuk saya melaksanakan program sangkutan industri ini dengan sukses dan menyiapkan laporan ini dengan jayanya. Buat anak-anak saya Emylia Alaina Sofnie dan Faiq Abrisyam Abbassy, terima kasih kerana memahami kerja ibunya.

Jutaan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga juga khas ditujukan kepada Bahagian Latihan dan Kerjaya, Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia atas sokongan kepada saya untuk menjalani latihan program sangkutan industri ini. Tidak ketinggalan juga penghargaan kepada pihak pengurusan Politeknik Seberang Perai terutamanya di Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan iaitu En. Khairul Anuar bin Ishak, Ketua Jabatan Perdagangan iaitu Pn. Hasnah binti Muhammad, rakan-rakan sekerja iaitu Cik Aleza binti Hj. Abd. Rashid, Pn. Marsitah binti Abdullah, Pn. Noor Azni binti Abu Bakar, Sharipah Khadijah binti S. Hashim dan rakan seperjuangan yang lain.

Tidak lupa juga penghargaan ini ditujukan kepada Amanah Saham Kedah Berhad (ASKB) sudi membenarkan saya menjalani latihan sangkutan industri ini khususnya kepada Pengarah Urusan ASKB, En. Ameer Ali bin Vali Mohamed, para kakitangan Amanah Saham Kedah Berhad, seramai 25 orang yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan kerjasama yang baik sepanjang saya menjalani latihan sangkutan ini selama dua bulan.

Akhir sekali ucapan terima kasih buat mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang saya menjalani latihan sangkutan industri ini. Segala sumbangan dan pertolongan yang diberikan hanya ALLAH SWT sahaja yang akan membalaunya.  
Insyaallah.

## PENDAHULUAN

Sebagai menunaikan tanggungjawab, Kerajaan Negeri Kedah telah dan sedang melaksanakan program pembangunan yang meliputi pelaksanaan pembangunan dalam pelbagai sektor seperti pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam, kerohanian, pendidikan dan pembangunan sosial. Kesemuanya ini adalah untuk menepati kehendak bagi menyediakan kemudahan kepada rakyat dan menyediakan kemudahan asas untuk pembangunan dalam sektor pengeluaran samada dalam bidang pertanian mahupun juga dalam bidang perindustrian.

Tindakan sedemikian adalah dijuruskan untuk mencapai matlamat bagi membawa peningkatan kualiti hidup rakyat yang seterusnya akan mencetuskan kesejahteraan ekoran daripada kemakmuran yang dinikmati bersama. Bagi melengkapkan usaha tersebut Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman telah melaksanakan skim Amanah Saham Kedah yang bertujuan untuk memberi peluang kepada anak negeri khususnya kaum bumiputera menikmati bersama kekayaan negeri dan negara.

Usaha ini sememangnya bukanlah satu usaha yang bersendiri kerana beberapa negeri lain telahpun melaksanakannya dan pengalaman mereka telah menjelaskan keupayaan untuk menepati matlamat seperti yang diharapkan.

Amanah Saham Kedah adalah satu skim yang disokong oleh Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman yang berdasarkan kepada konsep saham amanah berlandaskan syariah, yang melibatkan penabungan dan pengumpulan modal daripada pemodal-pemodal kecil.

Pelaburan akan dilakukan dalam sektor yang mampu mendatangkan pulangan yang maksimum. Kepesatan pembangunan ekonomi negara menjamin potensi yang cerah dalam industri sekuriti. Keadaan ini akan dapat memastikan pulangan pelaburan yang meransangkan selain membuka peluang kepada rakyat untuk turut serta dalam sektor korporat dan bersama mencapai kemajuan negara. Ini didokong pula oleh pengurusan yang profesional dan komited selain pengawasan pelaburan oleh pihak berwajib untuk memastikan pelaburan dapat dipertahankan pada tahap yang paling optimum.

Skim Amanah Saham Kedah yang dilancarkan hari ini adalah satu lagi simbol kegigihan dan komitmen yang tinggi daripada kerajaan negeri untuk memperjuangkan dan mempertingkatkan tahap sosio ekonomi rakyat negeri ini. Sesuai dengan motifnya Asas Sumber Kesejahteraan, skim yang berlandaskan syariah ini menepati matlamat kerajaan untuk mengagihkan kemakmuran negara secara saksama.

**ISI KANDUNGAN****MUKASURAT**

Halaman Penghargaan	ii
Pendahuluan	iv
<b>BAB 1: PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.1    Tujuan Latihan Industri	1
1.2    Rasional Program	3
1.3    Objektif Program	4
1.4    Kepentingan Program Sangkutan Industri Pensyarah (SIP)	5
1.5    Latar Belakang Syarikat	6
1.6    Latar Belakang Industri Saham Amanah	9
1.6.1    Sejarah Perkembangan Industri Saham Amanah	10
1.7    Carta Organisasi Amanah Saham Kedah Berhad	14
1.8    Ringkasan Program Latihan Sangkutan Ke Industri	15
Pensyarah	
1.9    Kepentingan Program Latihan Sangkutan Ke Industri	23
Pensyarah	

<b>BAB 2 : JENTERA AMANAH SAHAM KEDAH BERHAD</b>	<b>24</b>
2.1 Misi Tabung	25
2.2 Objektif Dan Strategi Pelaburan	27
2.3 Produk Dan Perkhidmatan	28
2.4 Struktur Organisasi Amanah Saham Kedah Berhad	30
2.4.1 Bahagian Operasi Dan Khidmat Pelanggan	30
2.4.2 Bahagian Pelaburan	32
2.4.3 Bahagian Kewangan & Pentadbiran	33
2.4.4 Bahagian Pematuhan	34
2.4.5 Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	35
2.4.6 Pengurusan Sumber Manusia	36
2.5 Struktur Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	37
2.5.1 Unit Pengambilan Dan Latihan	38
2.5.2 Unit Gaji Dan Tuntutan	40
2.5.3 Unit Cuti Dan Disiplin.	42
2.6 Kesimpulan	44

<b>BAB 3 : PELABURAN DI DALAM AMANAH SAHAM KEDAH</b>	<b>45</b>
3.1 Risiko Umum Melabur Dalam Tabung Unit Amanah	48
3.1.1 Risiko Pasaran	49
3.1.2 Risiko Saham Tertentu	50
3.1.3 Risiko Syarikat Pengurusan	51
3.1.4 Risiko Kredit	52
3.1.5 Risiko Meminjam Untuk Melabur	53
3.2 Risiko Melabur Dalam Tabung Ask	54
3.2.1 Perubahan Status “Kaunter Yang Diluluskan”	54
3.2.2 Risiko Kecairan	55
3.2.3 Risiko Pematuhan	56
3.2.4 Tiada Jaminan Agihan Pendapatan Dan Kenaikan Modal	57
3.3 Perincian Tabung ASK	58
3.3.1 Objektif Pelaburan	58
3.3.2 Polisi Dan Strategi Pelaburan	59
3.4 Strategi Dan Teknik Pengurusan Risiko Pelaburan	62
3.5 Tanda Aras Ukuran Prestasi Pelaburan	64
3.6 Pelaburan Yang Dibenarkan	65
3.7 Had-Had Pelaburan	66
3.8 Asas Penilaian Pelaburan	68

3.9	Polisi Berkenaan Pelaburan Berteraskan Syariah	69
<b>BAB 4 : PENGURUSAN TABUNG ASK</b>		72
4.1	Profil Pengurus	72
4.2	Ringkasan Kedudukan Kewangan	74
4.3	Lembaga Pengarah	75
4.4	Kakitangan Utama ASKB	77
4.4.1	Pengarah Urusan / Ketua Eksekutif	77
4.4.2	Ketua Jabatan Kewangan & Operasi	78
4.4.3	Ketua Jabatan Pelaburan Portfolio	79
4.4.4	Ketua Jabatan Penyelidikan Pelaburan	80
4.4.5	Ketua Jabatan Hal Ehwal Korporat Dan Pematuhan	81
4.5	Pengurusan Pelaburan Amanah Saham Kedah Berhad	82
4.5.1	Jawatankuasa Pelaburan ASKB	82
4.6	Pengurusan Pelaburan Tabung ASK	87
4.7	Majlis Penyeliaan Syariah	88

<b>BAB 5 : PEMEGANG AMANAH ASK</b>	<b>93</b>
5.1 Profil Pemegang Amanah ASK	93
5.2 Lembaga Pengarah	94
5.3 Perniagaan Di Dalam Perniagaan Amanah	95
5.4 Kedudukan Kewangan	97
5.5 Kenyataan Tanggungjawab Pemegang Amanah	99
5.6 Tugas Dan Tanggungjawab Pemegang Amanah	100
5.7 Pendedahan Pemegang Amanah Berhubung	101
Pendakwaan Yang Material	
5.8 Wakil Kepada Pemegang Amanah	102
5.9 Pencegahan Perubahan Wang Haram	104
5.10 Kenyataan Penafian	105
5.11 Peruntukan Penting Dalam Suratikatan ASK	106
5.11.1 Pengiktirafan Sebagai Pemegang Unit	106
5.11.2 Hak Dan Had Pemegang Unit	107
5.11.3 Tanggungan Pemegang Unit	109
5.11.4 Yuran Dan Caj	110
5.11.5 Perbelanjaan Yang Dibenarkan	112

5.12	Keadaan Pengurus Boleh Bersara, Dipecat Atau Digantikan	113
5.13	Keadaan Pemegang Amanah Boleh Bersara, Dipecat Atau Digantikan	115
5.14	Penamatan Tabung	116
5.15	Mesyuarat Pemegang Unit	118

## **BAB 6 : KESIMPULAN DAN CADANGAN** 121

6.1	Pengenalan	121
-----	------------	-----

## **RUJUKAN**

## **SENARAI LAMPIRAN**

L1	Carta Organisasi ASKB
L2	Proses Pentadbiran Disiplin
L3	Application For Annual / Emergency Leave
L4	Application For Other Than Annual / Emergency Leave

## **SENARAI RAJAH**

Rajah 1.1 : Logo Amanah Saham Kedah	13
Rajah 1.2 : Carta Organisasi Amanah Saham Kedah Berhad	14

## **SENARAI JADUAL**

Jadual 1.1 :Ringkasan Program Latihan Sangkutan Ke Industri Pensyarah	22
--	----

## **BAB 1: PENGENALAN**

### **1.1 TUJUAN LATIHAN INDUSTRI**

Program Sangkutan ke industri pensyarah-pensyarah Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia telah bermula pada 1 September 1999 atas inisiatif Bahagian Latihan & Kemajuan Staf, Jabatan Pendidikan Teknikal, KPM. Program ini bertujuan memberi pendedahan industri kepada para pensyarah menimba kemahiran dan pengalaman serta mengikuti perkembangan teknologi terkini. Program SIP telah berjaya memperlengkap para pensyarah dengan pengetahuan dan pengalaman baharu khusus untuk meningkatkan prestasi pengajaran dan pembelajaran (P&P) mereka.

Menerusi SIP juga para pensyarah didedahkan dengan cara penggunaan teknologi terkini (*State Of The Art*) dan amalan terbaik (*Best Practices*) dalam pengurusan organisasi dan pengurusan operasi di industri. Sebanyak 449 orang pensyarah telah menyertai program ini sehingga Oktober 2009.

Menurut <http://www.blpk.gov.my>, laporan '*Polytechnic Development Project - Employer Study*' oleh IDP Education Australia dan National Center for Vocational Education Research (NCVER) tahun 1999, telah menyatakan tentang kekurangan pengalaman industri di kalangan pensyarah-pensyarah politeknik yang mana telah memberi kesan terhadap kualiti graduat politeknik.

Laporan tersebut telah mencadangkan supaya pensyarah-pensyarah politeknik diberi peluang untuk mengikuti program sangkutan (*Attachment*) di industri-industri yang bersesuaian dengan keperluan kursus di politeknik. Justeru itu, program latihan dalam perkhidmatan yang merangkumi penempatan pensyarah di industri yang bersesuaian telah diperkenalkan. Mesyuarat Pengurusan Kementerian Pendidikan Malaysia (Bilangan 22 Tahun 1999) pada 14 Julai 1999 telah memberi kelulusan untuk melaksanakan program sangkutan ke industri setiap tahun bagi pensyarah-pensyarah politeknik.

Selepas tahun 1999, pelbagai kaedah dan penambahbaikan telah diperkenalkan dalam memperbaiki pelaksanaan program tersebut. Antaranya, mulai tahun 2006, program ini ditawarkan dalam dua sesi pengambilan setahun, iaitu pada bulan April dan Julai. Ini adalah bertujuan untuk memberi fleksibiliti kepada pensyarah untuk membuat perancangan serta memilih masa yang paling sesuai untuk menjalani latihan. Disamping itu juga dapat mengatasi isu pensyarah yang tidak mendapat pelepasan Ketua Jabatan atas alasan kekurangan pensyarah.

## **1.2 RASIONAL PROGRAM**

Salah satu dapatan kajian yang dibentangkan dalam Laporan Eksekutif Kajian Pengesanan Graduat Politeknik 2007 adalah yang berhubungkait dengan penilaian pelajar terhadap pengajian di politeknik dan impaknya kepada pembangunan profesionalisme. Kajian mendapati hampir semua responden, iaitu 96.7 peratus menyatakan keyakinan mereka terhadap sistem pengajian di politeknik. Di dalam kajian tersebut juga, persepsi responden terhadap kualiti pensyarah Politeknik juga dinilai dan dilihat dari sembilan 9 dimensi pedagogi. Salah satu dimensi ialah, keupayaan mempertaut pengajaran atau penyeliaan dengan amalan terkini dalam industri. Kajian menunjukkan bahawa keupayaan pensyarah menerapkan amalan

terkini di industri ke dalam pengajaran dan pembelajaran masih di tahap rendah.

### **1.3 OBJEKTIF PROGRAM**

- 1) Program Sangkutan Industri Pensyarah (SIP) ini telah dikenalpasti sebagai program yang relevan untuk memperkasa kerjaya pensyarah di Politeknik dan Kolej Komuniti.
  
- 2) Program ini bukan sahaja memberi penekanan kepada ilmu teori tetapi juga perlu seiring dengan perkembangan teknologi di sektor industri disamping memberi pendedahan kepada budaya kerja dalam pelbagai sektor di industri

## **1.4 KEPENTINGAN PROGRAM SANGKUTAN INDUSTRI PENSYARAH (SIP)**

Secara tidak langsung program ini telah memenuhi kehendak objektif JPPKK iaitu :

*“to provide sufficient and competent staff to produce quality graduates through dynamic and relevant educational and training programs in line with the needs of the industries and technology development”*

Selain daripada itu, sebagai pensyarah yang mengajar di Jabatan Perdagangan, antara kursus yang diajar di Politeknik Seberang Perai adalah kursus PB101 Statistik dan P5127 Kewangan Perniagaan dan ini adalah amat penting bagi saya untuk mendalami ilmu pengetahuan dalam pasaran wang dan modal. Kursus P5127 Kewangan Perniagaan adalah satu kursus elektif yang diajar kepada semua pelajar di Jabatan Perdagangan untuk program Diploma Pengurusan Perniagaan dan Diploma Akauntasi.

Untuk memberi gambaran yang lebih baik terhadap salah satu instrumen pelaburan yang berlandaskan prinsip syariah pada tahap risiko yang munasabah yang semakin mendapat sambutan dewasa ini, dengan menjalani latihan sangkutan di Amanah Saham Kedah iaitu sebuah institusi yang menguruskan pelaburan yang mudah dengan mengumpulkan sumber kewangan daripada pelabur-pelabur dan menjanakannya dengan melabur di dalam portfolio terpilih dari pasaran saham dan lain-lain instrument pelaburan yang dibenarkan.

Adalah diharapkan pengetahuan saya terhadap mekanisme pelaburan ini dapat bertambah dan lebih jelas. Dengan pengetahuan yang lebih jelas di harapkan proses pengajaran dan pembelajaran akan dapat dilaksanakan dengan lebih jelas.

## **1.5 LATAR BELAKANG SYARIKAT**

Amanah Saham Kedah Berhad (ASKB) adalah pengurus kepada Tabung Amanah Saham Kedah (Tabung ASK). Amanah Saham Kedah Berhad adalah anak syarikat milik penuh Permodalan Kedah Berhad dan telah diperbadankan pada 10 September 1994 di bawah Akta Syarikat 1965. Pejabat berdaftar Amanah Saham

Kedah Berhad adalah di 178 & 179 Jalan Sultanah Sambungan, 05250 Alor Setar, Kedah. Modal yang dibenarkan adalah RM5,000,000 dibahagi kepada 5,000,000 syer biasa harga RM1.00 setiap satu dan sebanyak 4,000,003 telah diterbitkan dan dibayar dengan penuh.

ASKB selaku pengurus kepada Tabung ASK adalah bertanggungjawab bagi pengurusan harian Tabung ASK mengikut peruntukan-peruntukan Surat Ikatan Amanah, meneliti perkembangan pasaran saham dan melaksanakan strategi-strategi pelaburan yang diperuntukkan.

Tugas utama yang dijalankan oleh ASKB termasuk mengurus pelaburan-pelaburan Tabung ASK, mengatur penjualan dan pembelian unit-unit, pembahagian pendapatan atau unit-unit tambahan kepada Pemegang Unit dan menyimpan rekod-rekod tabung ASK dengan baik.

Pihak Pengurus berpengalaman selama 16 tahun sejak penubuhannya dengan mengurus Tabung Amanah Saham Kedah dengan saiz yang dibenarkan iaitu 200 juta sejak dilancarkan pada 27 Februari 1995. Pada hari ini, ASKB mempunyai anggota pekerja seramai 25 orang.

Amanah Saham Kedah dilancarkan dengan dua matlamat utama iaitu, pertama, untuk membawa kecemerlangan kepada Bumiputera melalui pelaburan yang berteraskan kepada ketetapan syariah disamping memberikan pulangan pelaburan yang stabil dalam bentuk dividen, bonus dan kenaikan harga unit.

Kedua, ASK berperanan sebagai jambatan antara kerajaan dan masyarakat dalam menyalurkan faedah atau membahagikan kekayaan sumber negeri kepada masyarakat terbanyak secara lebih adil dan saksama.

Amanah Saham Kedah adalah merupakan tabung amanah yang berteraskan ketetapan syariah. Sebelum pihak pengurusan ASK membuat sesuatu pelaburan, ianya akan dirujuk terlebih dahulu kepada Majlis Penyeliaan Syariah yang bertanggungjawab dalam menyelia bentuk serta bidang pelaburan dan memastikan pelaburan yang dibuat adalah berlandaskan syariah Islam yang tidak membabitkan riba dan kegiatan-kegiatan yang bercanggah dengan hukum syarak agar segala pulangannya adalah merupakan rezeki yang halal dikecapi di dunia dan akhirat.

Pelaburan ASK adalah berdasarkan kepada senarai kaunter yang dikeluarkan oleh Majlis Penyeliaan Syariah Suruhanjaya Sekuriti dan Bank Islam. Pihak pengurusan juga sentiasa mengadakan lawatan ke syarikat-syarikat di mana ASK

melabur dalam mempastikan syarikat tersebut bersih, maju dan berkembang. Baki tunai yang tidak atau belum dilaburkan dalam pasaran saham akan dilaburkan dalam pasaran wang mengikut perbankan cara Islam di beberapa institusi kewangan termasuk Bank Islam.

#### **1.6 LATAR BELAKANG INDUSTRI SAHAM AMANAH**

Latar belakang industri amanah saham yang dibincangkan adalah berkaitan dengan sejarah perkembangan industri amanah saham secara umum dan industri amanah saham berteraskan syariah di Malaysia.

### **1.6.1 SEJARAH PERKEMBANGAN INDUSTRI SAHAM AMANAH**

Industri saham amanah telah wujud hampir 175 tahun yang lalu. Ianya bermula pada kurun ke-19 dalam tahun 1822 oleh King William I. Beliau telah menubuhkan dana saham yang pertama iaitu “Societe general de Belgique”. Dari Belgium industri ini berkembang ke Perancis dan dalam tahun 1852, Perancis melancarkan dana pelaburan saham amanah yang pertama. Perintis sebenar dalam industri ini adalah “Foreign and Government Trust” yang ditubuhkan di London dalam tahun 1868. Dalam tahun 1890an banyak dana-dana amanah ditubuhkan oleh syarikat-syarikat besar di Scotland. Ini menyebabkan idea mengumpulkan modal secara tabungan untuk faedah kesemua pihak mula diterima oleh ahli-ahli korporat dan masyarakat. Syarikat-syarikat Perancis, Scotland dan British mampu menyediakan modal yang besar untuk melabur di merata dunia. Dalam tahun 1924, Amerika Syarikat menuahkan saham amanah yang pertama iaitu ‘Massachusetts Trust’. Apabila berlaku keruntuhan pasaran saham Wall Street pada Oktober 1929, ramai pelabur-pelabur mengalihkan minat pelaburan kepada saham amanah. Mulai dari itu, industri ini mula berkembang dan mendapat perhatian serta diiktiraf di Amerika. Dari Amerika, industri ini bergerak pula ke Timur.

Industri saham amanah mula dibawa masuk ke Malaysia pada akhir tahun 1950an oleh sekumpulan pelabur-pelabur berbangsa Inggeris yang menetap di Singapura. Dalam tahun 1959, mereka telah melantik firma akauntant, Cooper Brothers & Company sebagai setiausaha bagi mereka memperbadankan saham syarikat amanah yang pertama yang dinamakan “Malayan Unit Trust Limited”. Pada November 1959, “Malaysia Unit Trust Limited” telah melancarkan dana amanah yang pertama yang dinamakan “Dana Saham Amanah Malaya” yang diikuti pula oleh dana ke-2, ke-3 dan “Dana Comodity Sterling”.

Pada permulaannya perkembangan dan penerimaan masyarakat Malaysia dalam industri ini tidak begitu menggalakkan kerana ramai yang tidak berpengetahuan mengenai industri tersebut. Profil pasaran pelabur-pelabur ketika itu terdiri dari institusi-institusi dan golongan yang berpelajaran. Jika dilihat di antara tahun 1959 hingga 1970, hanya terdapat 3 buah syarikat pengurusan saham amanah dalam pasaran iaitu “Malayan Unit Trust Limited, Asia Unit Trust Berhad dan Amanah Saham Mara Berhad”.

Apabila kerajaan melancarkan Rancangan Malaysia ke-3 (1976 – 1980), yang berteraskan kepada matlamat membasmi kemiskinan, meneruskan usaha untuk menyusun semula masyarakat dan memperkuuhkan lagi

keselamatan Negara, ianya secara tidak langsung turut membangunkan industri dengan lebih baik lagi. Di antara tahun 1981 terdapat 5 buah syarikat-syarikat pengurusan saham amanah ditubuhkan iaitu : MIC Unit Trust dan Pelaburan Johor Berhad dalam tahun 1977 dan KL Mutual Fund Bhd., Amanah Saham Nasional Bhd. Dan Pahang Unit Trust Bhd. Dalam tahun 1981.

Objektif utama Amanah Saham Kedah adalah untuk memberikan para pelabur satu bentuk peningkatan modal dan pendapatan dividen mengikut pelaburan berteraskan prinsip-prinsip Syariah.

Tabung Amanah Saham boleh melabur di dalam mana-mana kombinasi hutang dan sekuriti ekuiti syarikat-syarikat dan instrumen-instrumen pasaran wang di Malaysia, tetapi memberi tumpuan kepada sekuriti-sekuriti ekuiti berhasil tinggi dan sekuriti-sekuriti hutang Islam yang pada tanggapan pengurus-pengurus adalah masih di bawah nilai sebenar.